



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 14 Februari 2023 (Selasa) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Kebajikan golongan OKU perlu diperkasa – Agong</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/572-21-kebajikan-golongan-oku-perlu-diperkasa-agong</p>	Berita RTM	Neutral
2	<p>Suami cekal jaga anak OKU, tunai ‘wasiat’ isteri</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/13/suami-cekal-jaga-anak-oku-tunai-wasiat-isteri/</p>	Kosmo	Neutral
3	<p>Mayat kanak-kanak jatuh longkang ditemui selepas 4 kali laungan azan</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-kanakkanak-jatuh-longkang-ditemui-selepas-4-kali-laungan-azan-406359</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/mayat-seorang-lagi-kanak-kanak-hanyut-ditemukan/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Utusan</p>	Neutral

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/245019/berita/s emasa/kanak-kanak-mangsa-lemas-kedua-ditemukan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1 063761/kanak-kanak-mangsa-lemas-ditemui</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/te mpatan/2023/02/13/mayat-kanak-kanak-jatuh- longkang-ditemukan-selepas-4-kali-laungan-azan/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/654974</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/02/13/mangsa-kedua- kanak-kanak-lemas-ditemui-bawah-timbunan-sampah/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2164216</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/02/mayat-budak- jatuh-longkang-ditemukan-di-sebalik-sampah/</p> <p>https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/02/13/kana k-kanak-jatuh-longkang-ditemui-di-timbunan- sampah/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_ca mpaign=kanak-kanak-jatuh-longkang-ditemui-di- timbunan-sampah</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>FMT</p> <p>MalaysiaKini</p> <p>MG</p> <p>Bernama</p> <p>Edisi 9</p> <p>Warta Rakyat</p>	
4	<p>Kanak-kanak terperangkap 30 minit dalam kenderaan diselamatkan</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/13/kanak-kanak- terperangkap-30-minit-dalam-kenderaan- diselamatkan/</p>	<p>Kosmo</p>	<p>Neutral</p>
5	<p>'Terkejut jumpa bayi tidak bernyawa di masjid'</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/244979/edisi/m elaka-ns/terkejut-jumpa-bayi-tidak-bernyawa-di- masjid</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/935655/ polis-kesan-ibu-bayi-ditemukan-sudah-meninggal- dalam-beg-kuning</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/13/elok-sempurna- bayi-kenapa-buang/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>HM</p> <p>Kosmo</p>	<p>Neutral</p>

	<p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/buang-bayi-penduduk-kampung-kesal-harap-pelaku-segera-dikesan/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/bungkusan-berisi-mayat-bayi-dijumpai-ketika-bersih-pagar-masjid/</p>	<p>Utusan</p> <p>Buletin TV3</p>	
6	<p>Pelajar kolej ditahan bantu siasatan kes rogol</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/245014/berita/s-emas/pelajar-kolej-ditahan-bantu-siasatan-kes-rogol</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelajar-kolej-ditahan-bantu-siasatan-kes-rogol-406346</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
7	<p>Wanita cedera dipercayai dibelasah suami penagih</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1063851/wanita-cedera-dipercayai-dibelasah-suami-penagih</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/935737/wanita-cedera-dibelasah-suami-penagih</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/isteri-cedera-dibelasah-suami-penagih/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/245052/berita/s-emas/gara-gara-cemburu-mat-pet-pukul-isteri</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/13/penagih-dadah-dicekup-pukul-tumbuk-isteri-curang/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/penagih-dadah-dicekup-pukul-tumbuk-isteri/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/02/14/penagih-dadah-dicekup-pukul-tumbuk-isteri/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Utusan</p> <p>Warta Oriental</p>	Neutral
8	<p>Wanita antara dua ditahan kerana samun bersenjata di USJ</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-antara-dua-ditahan-kerana-samun-bersenjata-di-usj-406308</p>	<p>Astro Awani</p> <p>The Sun Daily</p>	Neutral

	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-antara-dua-ditahan-kerana-samun-bersenjata-di-usj-MF10629005		
9	Bomba selamatkan warga emas rebah seorang diri di tandas https://www.kosmo.com.my/2023/02/13/bomba-selamatkan-warga-emas-rebah-seorang-diri-di-tandas/	Kosmo	Neutral
10	'Sampai tak tidur malam, kali pertama dilanda banjir lumpur' https://www.sinarharian.com.my/article/245017/edisi/pahang/sampai-tak-tidur-malam-kali-pertama-dilanda-banjir-lumpur	Sinar Harian	Neutral

KEBAJIKAN GOLONGAN OKU PERLU DIPERKASA – AGONG

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57221-kebjakan-golongan-oku-perlu-diperkasa-agong>

Sumber : Berita RTM



KUALA LUMPUR, 13 Februari- Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengalu-alukan usaha untuk mengkaji semula Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Titah Baginda, usaha itu bagi memelihara kesejahteraan golongan tersebut.

Baginda juga bertitah agar usaha untuk pemerkasaan wanita yang merupakan tonggak dalam institusi keluarga perlu dipertingkatkan.

"Usaha tersebut bukan sekadar mengembangkan potensi kaum wanita malah ia untuk

memastikan penyertaan kaum wanita akan merancakkan ekonomi negara dan seterusnya menjadikan Malaysia lebih berdaya saing ke arah negara berpendapatan tinggi," titah baginda di Parlimen hari ini bersempena Pembukaan Penggal Kedua Majlis Parlimen Ke-15 2023.

Baginda turut mendukung usaha untuk menambah baik undang-undang bagi memastikan kebebasan institusi dan tadbir urus yang baik termasuk pembaharuan sistem perundangan, pengadilan jenayah dan institusi penjara.

Selain itu, kerajaan perlu akan menambah baik aspek perlindungan keselamatan sosial golongan pekerja bagi mendepani cabaran ekonomi tahun ini.

Ini termasuk meningkatkan caruman bagi program skim keselamatan sosial suri rumah yang telah dikuatkuasakan mulai 1 Disember 2022.



(Foto Hiasan/**BERNAMA**)

SUAMI CEKAL JAGA ANAK OKU, TUNAI 'WASIAT' ISTERI

<https://www.kosmo.com.my/2023/02/13/suami-cekal-jaga-anak-oku-tunai-wasiat-isteri/>

Sumber : Kosmo



KARIM bersama anaknya, Mohamad Faizal yang baru menjalani pembedahan ketika ditemui di rumah mereka di Taman Pedas Indah, Rembau kelmarin.

REMBAU – Seorang bapa tunggal masih ‘kuat’ memegang amanah arwah isteri untuk menjaga empat anak lelaki yang juga orang kelainan upaya (OKU) berusia antara 13 hingga 22 tahun.

Karim Zainal, 58, berkata, dia memiliki lima anak hasil perkahwinan dengan Salina Wan Abdullah yang meninggal dunia, lapan tahun lalu akibat darah tinggi.

Sejak itu, katanya, dia yang bekerja sebagai pemandu lori terpaksa berhenti kerja untuk menjaga anak-anaknya.

Katanya lagi, dia kemudian memulakan perniagaan makanan dan minuman secara kecil-kecilan dengan menjual cendol, air batu campur dan mi goreng.

“Selain saya, anak yang sulung, Nurul Ain Karim, 23, yang bekerja di kilang turut mencari rezeki untuk membantu keluarga.

“Namun, pendapatan berniaga kini tak seberapa, nak dapat RM200 sehari pun sukar,” katanya di Taman Pedas Indah di sini kelmarin.

Karim memberitahu, ujian bertambah getir apabila anak ketiganya, Mohamad Faizal Karim, 19, menjalani pembedahan disebabkan masalah membuang air besar dan kini terlantar sehingga memerlukan lampin pakai buang dan beg stoma.

Katanya, mujur anak keduanya, Mohammad Faiz, 22, boleh diharapkan untuk menjaga adiknya yang terlantar.

“Dua anak OKU saya mendapat bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM300, namun semuanya digunakan bagi keperluan mereka.

“Jadi saya mohon bantuan Baitulmal. Daripada tiga barang yang saya mohon iaitu lampin pakai buang, beg stoma dan sarung tangan, hanya satu diluluskan iaitu lampin pakai buang,” katanya.

Menurutnya, satu beg stoma dan tapak beg tersebut boleh dipakai selama dua hari dan setiap bulan dia memerlukan sekurang-kurangnya 15 beg stoma dan tapak yang bernilai ratusan ringgit.

“Sebab itu kadangkala saya tidak mampu membayar duit rumah sebanyak RM240 sebulan. Malu juga ada tunggakan, tapi terpaksa minta bantuan Baitulmal bayarkan untuk elak rumah dilelong,” katanya.

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh menyalurkannya ke akaun Public Islamic Bank 6-8030506-25 dengan nama Karim Zainal.

MAYAT KANAK-KANAK JATUH LONGKANG DITEMUI SELEPAS 4 KALI LAUNGAN AZAN

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-kanakkanak-jatuh-longkang-ditemui-selepas-4-kali-laungan-azan-406359>

Sumber : Astro Awani



Suasana pilu menyelubungi kawasan tebing Sungai Kemensah apabila mayat Muhammad Riqullah ditemui ketika operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) hari ini. - Gambar/ Bernama
KUALA LUMPUR: Mayat seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun, yang hilang selepas dipercayai [terjatuh ke dalam longkang di Jalan Ukay Perdana](#), Ukay Perdana, Ampang pada Sabtu lepas, ditemukan di bawah timbunan batu-bata petang tadi.

Ketua Zon 4 (Hulu Langat) Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor Shahrin Yusmar Mat Yusof berkata mayat kanak-kanak itu ditemukan pada kira-kira 5.10 petang.

Beliau berkata bomba menemukan mayat berkenaan pada jarak 400 meter dari lokasi kejadian dan 100 meter dari Pos Kawalan Bomba.

"Pada mulanya kami telah korek kawasan yang dikenal pasti ada mayat, namun tidak jumpa.

"Selepas empat kali laungan azan dibuat, tidak lama kemudian anggota saya melihat ada lalat hurung di lokasi berkenaan dan ketika itulah kami dapat petunjuk lalu mula menggali semula dan menemukan tubuh kanak-kanak itu," katanya kepada Bernama ketika ditemui di lokasi kejadian.

Shahrin Yusmar berkata tubuh kanak-kanak berkenaan sempurna, tidak reput dan hanya kulit sahaja yang mula melepuh di beberapa bahagian anggota badan.

Beliau berkata usaha mencari dan menyelamatkan (SAR) mangsa kedua itu sedikit mencabar apabila terdapat tanah runtuh semalam.

"Alhamdulillah, hari ini keadaan cuaca juga baik dan tidak hujan mempermudah urusan kami menemukan mayat kanak-kanak lelaki berkenaan," katanya sambil menambah operasi SAR ditamatkan secara rasmi pada 6.30 petang.

Menurutnya mayat kanak-kanak itu akan dibawa ke Hospital Ampang untuk dibedah siasat.

Pada Sabtu lepas, seorang kanak-kanak lelaki berusia lapan tahun ditemukan lemas manakala seorang lagi masih hilang dipercayai hanyut dalam longkang di Jalan Ukay Perdana, Ampang, di sini.

Mangsa yang lemas dikenali sebagai Wan Muhammad Ammar Wan Mohd Noor Hafizan manakala mangsa yang masih hilang dikenali sebagai Muhammad Riqullah Mohd Shafie berusia 10 tahun.

KANAK-KANAK TERPERANGKAP 30 MINIT DALAM KENDERAAN DISELAMATKAN

<https://www.kosmo.com.my/2023/02/13/kanak-kanak-terperangkap-30-minit-dalam-kenderaan-diselamatkan/>

Sumber : Kosmo



ANGGOTA bomba mengeluarkan kanak-kanak berusia setahun yang terperangkap dalam kenderaan di Seri Manjung hari ini.

LUMUT – Seorang jururawat berdepan detik cemas apabila anak perempuannya berusia setahun terperangkap kira-kira 30 minit dalam kenderaan yang diparkir di rumahnya di Seri Manjung, dekat sini hari ini.

Difahamkan, kejadian berlaku ketika jururawat tersebut sedang bersiap untuk keluar bekerja di Klinik Kesihatan Pantai Remis yang terletak kira-kira 36 kilometer dari rumahnya.

Ketika beliau mahu membuka pintu pagar rumah untuk mengeluarkan Perodua Aruz itu, anaknya yang berada dalam kenderaan tersebut dipercayai tertekan kunci automatik yang mengunci semua pintunya.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Perak, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada pukul 9.31 pagi dan sepasukan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Seri Manjung bergegas ke lokasi kejadian.

“Ketika tiba, didapati seorang kanak-kanak perempuan berada dalam Perodua Aruz yang terkunci.

“Kanak-kanak tersebut bagaimanapun tidak menangis kerana ibunya dan jiran berjaya menenangkannya dengan cara mengacah dari luar kenderaan,” katanya di sini hari ini.

Menurut beliau, anggota pasukan berjaya membuka pintu kenderaan itu menggunakan peralatan khas dan membawa keluar kanak-kanak itu sebelum diserahkan kepada ibunya.

Beliau menjelaskan operasi yang diketuai Pegawai Bomba Kanan II Adde Noor Othman itu tamat sepenuhnya pada pukul 9.56 pagi. – KOSMO! ONLINE

'TERKEJUT JUMPA BAYI TIDAK BERNYAWA DI MASJID'

<https://www.sinarharian.com.my/article/244979/edisi/melaka-ns/terkejut-jumpa-bayi-tidak-bernyawa-di-masjid>

Sumber : Sinar Harian Online



KUALA PILAH - Penemuan mayat bayi perempuan yang cukup sifat di pekarangan Masjid Kariah Kampung Sri Jempoh, Juasseh di sini pada Ahad mengejutkan penduduk.

Ahli Jawatankuasa (AJK) masjid berkenaan, Shariza Sharif, 55, berkata, kes berkenaan pertama kali berlaku di kawasan itu.

Menurutnya, bayi berkenaan dijumpai oleh tiga remaja lelaki yang sedang bergotong-royong membersihkan tembok masjid untuk tujuan mengecat baru kira-kira jam 3.30 petang.

"Bagaimanapun, sebaik melalui pekarangan masjid mereka menjumpai satu bungkusan yang di dalamnya ada kotak.

"Setelah diperiksa ada seorang bayi yang masih bertali pusat di dalamnya, namun sudah tidak bernyawa.

"Laporan polis dibuat pada hari sama untuk tindakan lanjut," katanya ketika ditemui pemberita di masjid berkenaan pada Isnin.

Pesara tentera itu turut melahirkan rasa kecewa dan terkilan dengan apa yang terjadi berikutan ada di antara dalam kalangan masyarakat di luar sana masih berusaha untuk mendapatkan zuriat.

"Kita tidak pasti bila bayi terbabit diletakkan di kawasan masjid selain tidak menyedari kehadiran individu membawa bayi berkenaan ke sini," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Pilah, Superintendan Amran Mohd Ghani ketika dihubungi berkata, mayat bayi perempuan itu telah dibawa ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban untuk proses bedah siasat bagi mengetahui punca kematiannya.

"Setakat ini usaha mengesan ibu bayi itu sedang giat dilakukan dan kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan.

"Mana-mana individu yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian itu supaya tampil bagi membantu siasatan," katanya.

Sinar Harian pada Ahad melaporkan mayat bayi perempuan dipercayai baru dilahirkan dalam tempoh 24 jam ditemukan di perkarangan sebuah masjid Jemapoh, Juasseh di sini.

PELAJAR KOLEJ DITAHAN BANTU SIASATAN KES ROGOL

<https://www.sinarharian.com.my/article/245014/berita/semasa/pelajar-kolej-ditahan-bantu-siasatan-kes-rogol>

Sumber : Sinar Harian Online

KEMAMAN - Seorang remaja lelaki ditahan bagi membantu siasatan kes rogol melibatkan gadis bawah umur dalam kejadian di sebuah rumah sewa di daerah ini, Selasa lalu.

Pelajar kolej berusia 17 tahun itu ditahan selepas keluarga mangsa menyerahkannya kepada pihak polis kira-kira jam 5 pagi pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan berkata, suspek berkenalan dengan mangsa berusia 14 tahun pada Oktober tahun lalu melalui aplikasi Telegram dan turut berhubung melalui aplikasi WhatsApp.

Menurutnya, suspek datang ke rumah gadis berkenaan pada Selasa minggu lalu dan membawa mangsa keluar bersiar-siar tanpa pengetahuan keluarga sebelum membawa mangsa ke bilik sewanya.

"Ketika berada di bilik tersebut, suspek dan mangsa telah melakukan hubungan seks sebanyak dua kali sebelum mangsa dihantar pulang.

"Perbuatan itu terbongkar selepas abang mangsa memeriksa telefon bimbit mangsa pada 10 Februari lalu dan mendapati mangsa ada berhubung dengan suspek.

"Abang mangsa mengesyaki mangsa melakukan hubungan bersama suspek dan membawa adiknya itu bertemu suspek sebelum menyerahkan suspek ke balai polis," katanya ketika dihubungi, di sini pada Isnin.

Menurut Hanyan, difahamkan suspek melakukan hubungan kali kedua bersama mangsa selepas melakukan perbuatan sama pada Oktober tahun lalu.

WANITA CEDERA DIPERCAYAI DIBELASAH SUAMI PENAGIH

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1063851/wanita-cedera-dipercayai-dibelasah-suami-penagih>

Sumber : Berita Harian Online

PASIR PUTEH: Seorang wanita berusia 28 tahun cedera selepas dikatakan dibelasah suaminya yang juga penagih dadah di Kampung Banggol Pak Esah, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 11.30 pagi, mangsa cedera pada kepala dan leher selepas dicekik suspek berusia 35 tahun.

Ketua Polis Daerah Pasir Puteh, Superintendan Zaizul Rizal Zakaria, berkata suspek ditahan di rumah mereka selepas mangsa membuat laporan pada jam 1.16 petang semalam dan kini direman empat hari, bermula hari ini.

Katanya, kejadian dipercayai berpunca apabila suspek menuduh isterinya mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain.

"Ujian air kencing turut mendapati suspek positif dadah Methamphetamine. Suspek juga mempunyai empat rekod lampau jenayah berkait dadah," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Zaizul Rizal berkata, mangsa sudah mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar di Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan/18 Akta Keganasan Rumah Tangga.

WANITA ANTARA DUA DITAHAN KERANA SAMUN BERSENJATA DI USJ

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-antara-dua-ditahan-kerana-samun-bersenjata-di-usj-406308>

Sumber : Astro Awani

KUALA LUMPUR: Seorang wanita antara dua ditahan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan samun berkumpul dan bersenjatakan parang di sebuah rumah di USJ 9, Subang Jaya semalam.

Kedua-dua suspek masing-masing berusia 31 dan 26 tahun itu ditahan dalam dua serbuan di sekitar Klang dan Kuala Langat.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya ACP Wan Azlan Wan Mamat berkata dalam kejadian 3.30 pagi itu, mangsa seorang kerani wanita berumur 43 tahun sedang tidur dalam bilik di tingkat atas dikejutkan suspek lelaki sambil mengacukan parang sebelum mengikat tangannya menggunakan wayar pengecas.

"Suspek turut mengikat tangan ayah mangsa sebelum membawa mereka turun ke tingkat bawah rumah selain turut mengikat pembantu rumah dengan wayar seterika," katanya dalam kenyataan hari ini.

Wan Azlan berkata kedua-dua suspek mengeledah rumah dan mengambil antaranya barangan kemas, telefon bimbit dan wang tunai melibatkan kerugian kira-kira RM7,000 sebelum melarikan diri dengan kereta yang dipandu seorang lelaki di hadapan rumah mangsa.

Menurutnya kedua-dua suspek yang berjaket coklat, seluar jeans biru, memakai pelitup muka dan sarung tangan memanjat tembok bahagian tepi rumah sebelum masuk melalui tingkap yang terbuka di tingkat atas.

"Rakaman kamera litar tertutup di kawasan berhampiran sedang diteliti untuk membantu siasatan dan polis turut merampas antaranya sebuah kereta, dua telefon bimbit, sebuah tablet, dokumen dan beg berkaitan kes ini," katanya.

Beliau berkata hasil penahanan kedua-dua individu itu polis berjaya menyelesaikan satu kes samun bersenjatakan parang dan satu kes pecah rumah yang disiasat di bawah Seksyen 395/397 Kanun Keseksaan (Akta 574).

Orang ramai yang mempunyai maklumat kes diminta menghubungi Pusat kawalan daerah, Subang Jaya di talian 03-78627100 atau Pegawai Penyiasat Insp S. Anthony John di talian 016-2093470

BOMBA SELAMATKAN WARGA EMAS REBAH SEORANG DIRI DI TANDAS

<https://www.kosmo.com.my/2023/02/13/bomba-selamatkan-warga-emas-rebah-seorang-diri-di-tandas/>

Sumber : Kosmo Online



ALOR GAJAH – Seorang warga emas diselamatkan pasukan bomba selepas rebah di pintu tandas rumahnya di Kampung Padang Dekat, Pengkalan Balak, Masjid Tanah, di sini, hari ini.

Komander operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Masjid Tanah, Pegawai Bomba Kanan I (KUP), Ab. Aziz Ismail berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada pukul 8.21 pagi dan sepasukan sembilan anggota dikejarkan ke lokasi kejadian.

“Pihak bomba menerima laporan daripada jiran mangsa dikenali sebagai Ain memaklumkan seorang warga emas dikhuariti terkunci di dalam rumahnya.

“Setiba di lokasi, kita dapati pintu rumah tersebut dalam keadaan berkunci dan setelah pintu berjaya dibuka kita menemukan seorang warga emas terbaring di tandas dalam keadaan lemah,” katanya.

Tambahnya, mangsa kemudian diserahkan kepada pegawai perubatan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk memberikan rawatan lanjut.

“Difahamkan mangsa tinggal seorang diri di rumah tersebut,” ujarnya.-KOSMO! ONLINE

'SAMPAI TAK TIDUR MALAM, KALI PERTAMA DILANDA BANJIR LUMPUR'

<https://www.sinarharian.com.my/article/245017/edisi/pahang/sampai-tak-tidur-malam-kali-pertama-dilanda-banjir-lumpur>

Sumber : Sinar Harian Online



BENTONG - "Sampai tak tidur malam tadi sebab risau, kali pertama tengok [banjir lumpur teruk](#) macam semalam," kata penduduk [Kampung Bukit Tinggi](#) di sini, Kam Kok Leong, 87, selepas banjir kilat berlumpur yang berlaku pada Ahad.

Warga emas itu turut menyatakan rasa takut dan terkejut melihat keadaan air deras bersama lumpur hingga memasuki kawasan halaman rumahnya.

"Saya sampai takut fikir kalau-kalau tanah runtuh berlaku," kata pekebun sayur itu lagi yang tinggal di kampung tersebut sejak turun-temurun pada Isnin.

Dalam laporan Sinar Harian pada Ahad, sebanyak 15 premis perniagaan dan lima rumah terbabit dalam kejadian banjir berlumpur di Bukit Tinggi dan Janda Baik, di sini susulan hujan lebat.

Berdasarkan rakaman video kejadian yang ditularkan netizen di laman sosial Facebook menunjukkan arus deras turun dari kawasan tinggi hingga membanjiri kawasan rendah di pekan Bukit Tinggi.



Kadaan di kawasan selepas dilanda banjir kilat berlumpur di Kampung Bukit Tinggi.

Sementara itu, bagi peniaga sayur-sayuran pula, Karlina Rosida, 50, memberitahu beliau tidak menyangka banjir lumpur berlaku di lokasi tersebut.